

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI SYARIKAT GULA NEGERI SEMBILAN SENDIRIAN BERHAD PADA 28HB FEBRUARI, 1975

Y.A.B. Datuk Mansor, Menteri Besar Negeri Sembilan, Mr. Apte, Phalton Sugar Industries, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya sukacita kerana dapat bersama-sama di majlis yang permai ini di samping mengucapkan tahniah di atas kejayaan Syarikat Gula NS ini yang telah memulakan pengeluarannya sejak beberapa hari yang lalu.

Saya mengucapkan terimakasih kepada Lembaga Pengarah Syarikat ini kerana sudi menjemput saya untuk membukanya dengan rasmi hari ini.

Seperti yang kita maklum, projek Syarikat Gula NS ini adalah satu-satunya projek agro-based industry yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam rangka memperbagaikan ekonomi negara dengan menggalakkan pembangunan industri di kawasan luar bandar. Inisiatif utama telah dijalankan oleh Y.A.B. Datuk Mansor sendiri sebagai Pengerusi SEDC dan bolehlah dikatakan rancangan ini mencerminkan keyakinan serta kecekalan hati beliau hingga menjadi kenyataan.

Dalam projek yang besar ini, SEDC atau Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan menunjukkan kemampuannya memenuhi fungsinya iaitu untuk mengambil bahagian secara langsung di dalam pembangunan industri. Sesungguhnya ini adalah peranan yang penting bagi sesebuah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri kerana ia bertanggungjawab mengadakan kemudahan-kemudahan "infrastructure" yang akan menjadi landasan untuk pembangunan industri dan kemajuan selanjutnya.

Tugas Perbadanan Kemajuan Negeri tidaklah hanya melaksanakan dasar Kerajaan setakat yang berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru tetapi hendaklah mempunyai daya inisiatif

menarik pelabur-pelabur ke dalam negeri, membuka kawasan-kawasan perindustrian dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang perlu dan selanjutnya mengambil bahagian secara langsung di dalam bidang perindustrian.

Dalam hubungan ini, sukalah saya menggesa semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri agar melipat-gandakan lagi usaha untuk mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru yang telah ditetapkan. Seterusnya saya mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapainya dalam pembangunan industri di Senawang (Seremban), di Diah (Kuala Pilah) dan di Bahau ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Keadaan dunia hari ini jelas membuktikan kebenaran konsep Kerajaan menggalakkan industri yang berasaskan pertanian. Di negara kita Malaysia ini terdapat luas peluang untuk pengusahapengusaha "agro-based" industri. Oleh yang demikian, patutlah entrepreneurs yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang ini menjalankan projek-projek usaha bersama di kawasan-kawasan yang sesuai di luar bandar. Tambahan pula dalam Gerakan Buku Hijau, Kerajaan sangat menitikberatkan pengeluaran bahan-bahan makanan untuk keperluan rakyat dan selanjutnya memperoses bahan-bahan tersebut untuk kegunaan dalam negeri dan juga untuk ekseptot.

Kita boleh berbangga tentang kemajuan yang telah dicapai seperti yang diterang dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua dan juga United Nation Second Development Decade 1971 — 1980 yang menyebutkan bahawa Malaysia adalah antara beberapa buah negara di Asia dan Kawasan Pasifik yang telah berjaya menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan di dalam tahun tujuh puluhan.

Kejayaan ini telah dicapai dengan rancangan jangka panjang Kerajaan dan sokongan serta kerjasama semua lapisan rakyat. Syarikat Kilang Gula NS ini adalah merupakan satu lagi bukti kejayaan tersebut iaitu hasil usaha bersama di antara Kerajaan, rakyat dan pelabur-pelabur luar negeri. Dengan Syarikat Gula NS ini, Malaysia mempunyai dua buah "integrated sugar industry" yang aktif iaitu Syarikat Kilang Gula Perlis dan Syarikat ini yang antaranya dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan pengguna.

Menurut perancangan, dua lagi sugar industry akan muncul iaitu di Kedah dan Kelantan yang kesemuanya akan boleh memenuhi hampir-hampir 50% keperluan rakyat negara kita. Bagi keperluan selebihnya kita akan terus mengimpot gula mentah dari luar negeri, terutama dari Australia yang mengikut perjanjian jangka panjang bagi bekalan itu.

Memandang pada keadaan ini, saya boleh memberi pengakuan bahawa Kerajaan akan sedapat-dapatnya mengawal kesetabilan harga barang-barang khasnya barang-barang keperluan untuk rakyat. Ini termasuklah beras, gula, tepung dan beberapa item lagi yang disenaraikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Meskipun Kerajaan telah menetapkan harga barang-barang itu dan menguatkuasakan "prices tag", orang ramai hendaklah juga bekerjasama melihatkan supaya peraturan-peraturan kawalan ini dipatuhi oleh semua pihak dan berjalan dengan sempurna.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pembangunan pesat yang berjalan dalam bidang agro-based industry ini bermakna yang sugar industry ini masih boleh diperbesar lagi. Pada masa ini terdapat lima projek penanaman tebu dan pengilangan gula di dalam beberapa peringkat perlakanaannya dalam kawasan seluas sembilan puluh dua ribu ekar apabila ditanam sepenuhnya kelak. Walau bagaimanapun masih ada lagi peluang untuk mendirikan projek-projek tebu kalau diingat sehingga tahun 1978 keperluan negara ini ialah sebanyak lima ratus sepuluh ribu tan gula sedangkan jumlah pengeluaran yang dijangkakan dari empat projek yang ada sekarang hanya sebanyak dua ratus empat puluh ribu tan. Ini bermakna bahawa negara masih lagi memerlukan sebanyak dua ratus tujuh puluh ribu tan gula.

Dengan adanya kilang-kilang gula di beberapa tempat, orang-orang kita di kampung akan dapat mengusahakan kawasan tanah yang berhampiran untuk membekalkan tebu seperti yang sedang diusahakan di Perlis. Ini adalah cara yang baik untuk menghidupkan semula perusahaan tebu di kampung dengan menggunakan tenaga manusia yang banyak dan oleh itu membuka peluang pekerjaan yang banyak terutama kepada kaum belia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Setiap kali projek pembangunan seperti ini dilancarkan, kita mengharapakan supaya masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh negara dapat diselesaikan. Pengangguran di kalangan belia di negara ini adalah satu-satunya masalah sosio-ekonomi yang berat lebih-lebih pula di masa recession.

Projek kilang gula ini memberi peluang pekerjaan kepada lebih kurang seribu empat ratus orang dan bilangan ini akan bertambah lagi di masa depan. Perlaksanaan projek ini tentulah tidak dapat menyelesaikan keseluruhan masalah pengangguran negara tetapi yang lebih penting ialah bahawa ianya telah mewujudkan peluang bekerja bagi belia-belia yang menganggur dan seterusnya membuka kesempatan untuk mempelajari proses teknologi dan teknik perindustrian. Perkara yang penting bagi kita sekarang ialah memastikan agar proses pembangunan dan perindustrian itu dapat berjalan dengan licin dan adalah mustahak belia-belia kita melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi proses perubahan ini.

Saya menyeru semua rakyat supaya sentiasa responsive kepada keadaan dan merebut setiap peluang yang wujud dari projek-projek pembangunan itu samada dari segi peluang pekerjaan, perniagaan secara langsung seperti melibatkan diri sebagai pemborong atau secara tidak langsung dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang sesuai. Ini tujuan kita agar faedah pembangunan dapat dirasakan oleh sebahagian besar rakyat, sesuai dengan matalamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pengarah, Pegawai-pegawai dan kakitangan Kilang Gula NS ini sempena peristiwa penting bagi mereka hari ini. Saya juga mengucapkan terima kasih atas segala persediaan yang telah dibuat bagi meraikan lawatan saya kali ini terutama sambutan meriah dan gilang gemilang yang diberikan kepada saya serta rombongan saya sebentar tadi.

Dengan nama Allah saya sukacita merasmikan Syarikat Gula Negeri Sembilan Sendirian Berhad ini serta mendoakan semoga usaha besar ini akan mendapat kejayaan.